

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N04 PERMATANG BERANGAN

Menerusi ucapan bajet 2024 oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 24 November 2023 yang lalu. Bilangan ke 32 dan 33.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN, PENDIDIKAN DAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Dato' Speaker,

32. Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Peralihan sektor ekonomi kepada pengetahuan, teknologi dan aktiviti berintensif inovasi memerlukan sumber tenaga kerja berkemahiran tinggi yang sedia ada. Menuju ke arah ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka dasar dan hala tuju yang lebih holistik supaya Pulau Pinang dapat mencapai kelebihan daya saing dalam menarik dan mengekalkan bakat-bakat muda.

33. Umum mengetahui, Pulau Pinang dikenali sebagai Lembah Silikon Timur dengan mempelopori industri E&E dan pembuatan. Bagi meneruskan kesinambungan ekosistem ini, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat-bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada di negeri ini, di samping menarik lebih banyak FDI baharu. Selain itu, banyak syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang memfokuskan kepada matlamat yang sama iaitu ke arah memperkasakan kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman (DEI) dalam tenaga kerja mereka. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Pusat STEM seperti Penang Science Cluster antaranya telah melancarkan program Girls in Engineering & Technology (GET) untuk menggalakkan pelajar-pelajar perempuan Sekolah menengah atas untuk menceburi pengajian dan kerjaya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Saban tahun, seramai 150 hingga 200 pelajar perempuan dari Pulau Pinang akan menyertai Program GET menerusi latihan selama sembilan (9) bulan melalui tajaan dan sokongan daripada 15 syarikat yang terlibat yang secara tidak langsung

memupuk minat, khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan mereka.

Sektor-sektor industri ini banyak membuka peluang pekerjaan kepada warga asing berbanding penduduk tempatan. Jadi, bagaimanakah cara untuk kita mengekang banjiriran pekerja asing di negeri Pulau Pinang dan membuka peluang yang lebih luas kepada penduduk tempatan di negeri kita.

Sekian, terima kasih.

Abdul Hakim Bin Abdullah
N04 Permatang Berangan
Sidang Muda 2024

